



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

TEKS UCAPAN

**YANG BERUSAHA DR. HAJI MOHD ZAHARI BIN ISMAIL
PENGARAH POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH**

SEMPENA

**MAJLIS SANJUNGAN BUDI
YBRS. TUAN HAJI MAHPAR BIN ATAN
KETUA PENGARAH
LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA**

ANJUNG BESTARI
POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
13 JUN 2022 (ISNIN)
3.30 Petang

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

Yang Dihormati Tuan Haji Mahpar bin Atan

Ketua Pengarah

Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia

Yang Berusaha Technologist Roseman bin Mat Jidin

Timbalan Pengarah Akademik

Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

Yang Berusaha Technologist Dr. Hj. Ahmad Aftas bin Azman

Timbalan Pengarah Sokongan Akademik

Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

Yang Berusaha Puan Normasita binti Sulaiman

Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam

Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

Ahli-ahli mesyuarat pengurusan, para pensyarah, para pelajar
serta tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia

PEMBUKA BICARA

1. Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T di atas limpah kurniaNya dan izinNya dapat kita sama-sama berkumpul pada petang yang penuh makna ini sempena **Majlis Sanjungan Budi** yang diadakan bagi meraikan persaraan **YBrs. Tuan Haji Mahpar bin Atan** yang akan menamatkan perkhidmatan selaku Ketua Pengarah Lembaga Perkayuan Perindustrian Malaysia (MTIB).
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada pihak Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA) serta seluruh jawatankuasa yang terlibat di atas komitmen dalam menjayakan majlis kita pada hari ini.
3. Sesungguhnya, majlis ini adalah sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan serta nukilan terima kasih daripada Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) kepada **YBrs. Tuan Haji** kerana banyak menabur bakti dan sumbangan secara tidak langsungnya kepada kecemerlangan JKA khususnya dalam program Diploma Teknologi Berasaskan Kayu (DBK).

KOLABORASI BERSAMA MTIB

Hadirin yang saya hormati sekalian,

4. Izinkan saya menceritakan serba sedikit mengenai penglibatan dan peranan MTIB terhadap kecemerlangan PSA sebagai rakan kolaborasi strategik yang telah dimeterai sejak dari tahun 2017 lagi. Penglibatan meluas MTIB adalah menerusi perkongsian sumber, kepakaran dan peralatan khususnya kepada program DBK iaitu bertepatan dengan hasrat negara untuk memperkasa TVET dalam pembangunan modal insan dan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi.
5. Peranan MTIB sebagai Jawatankuasa Penasihat Akademik khususnya terhadap pembangunan kurikulum supaya program DBK ini seiring dengan keperluan industri dan IR 4.0. Melalui penasihat program oleh **YBrs. Tuan Haji**, program ini telah berjaya memperolehi akreditasi penuh ETAC oleh Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) pada tahun 2020 sehingga 2023. Tahniah diucapkan.
6. Seजार dengan visi PSA untuk menjadi peneraju institusi TVET yang unggul, PSA terus mengorak langkah memperkukuhkan

modal insan kalis masa depan (future-proof) dengan mengaplikasikan konsep **Industry on Campus** (IOC) di PSA. Justeru, PSA dan MTIB telah membangunkan sebuah Pembinaan Rumah Kayu atau **Timber Technology House** bagi menyokong hasrat tersebut. Sumbangan kepakaran dan peruntukkan daripada MTIB telah merancakkan lagi pembinaan ini. Untuk makluman, sehingga kini, Rumah Tim Tech telah dibangunkan dalam fasa ke 2 yang melibatkan penyertaan pensyarah seramai 33 orang dan pelajar JKA seramai 31 orang. Platform ini telah memberi peluang kepada pensyarah untuk meningkatkan kompetensi dengan menjalani Sangkutan Industri Pensyarah (SIP) dan pelajar menjalani latihan industri (LI) pada semester akhir. Melalui IOC ini, gabungan dua hala antara ahli akademik dan industri dalam program ini telah dapat dimanfaatkan secara optimum dan seterusnya disalurkan kepada pelajar dalam suasana aplikasi perindustrian sebenar.

7. MTIB turut membantu dalam memberikan sumbangan kepakaran sebagai panel penilai projek pelajar, pensyarah pelawat industri (PPI) dan sebagai jurulatih bagi persediaan tim PSA di pertandingan **Worldskills Malaysia Belia** (WSMB) dalam bidang *Cabinet Making* dan *Joinery*.

8. Suntikan kolaborasi strategik ini telah berjaya menempa nama PSA dalam beberapa kejayaan antaranya:

- i.) Mendapat tempat ketiga (Pingat Gangsa) dalam pertandingan Worldskill pada tahun 2017.
- ii.) Dianugerahkan Sijil Kecemerlangan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) pada tahun 2018 dan 2019.
- iii.) Kejayaan memperolehi geran inovasi T-ARGS daripada JPPKK pada tahun 2020 bernilai RM62K.
- iv.) Kebolehpasaran Graduan yang tinggi dicapai program DBK iaitu 97.40% (2020) dan 97.90% (2021).

Justeru, kejayaan ini telah menaikkan lagi nama PSA sebaris dengan penyedia TVET yang lain.

9. Sehubungan itu, saya berharap supaya perkongsian pintar PSA-MTIB ini terus diperkukuh dan dipereratkan lagi untuk mencapai kecemerlangan PSA dalam melahirkan graduan yang holistik.

10. Sekali lagi saya mewakili PSA ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada **YBrs. Tuan Haji Mahpar bin Atan**. Sumbangan dan usaha

yang telah diberikan pastinya akan terus dikenang dan kerjasama yang terjalin, tidak akan terhenti di sini meskipun **YBrs. Tuan Haji** tidak berada di MTIB lagi. Namun, pandangan dan buah fikiran Tuan Haji masih lagi kami perlukan di sini.

11. Maka dengan ini, saya sudahi ucapan saya dengan dua rangkap pantun:

Riuh di awan sekawan helang
Riang senada kongsi keriang
Jasa Tuan Haji tidak terbilang
Inspirasi kami kekal berzaman

Berangkat sampan ke Pulau Pandan
Mencari kepah untuk hidangan
Perpisahan ini bukan sempadan
Ikatan terjalin usah diputuskan

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.